Bimbingan Kreatif di Malaysia merupakan antara medium alternatif bagi Bimbingan dan Kaunseling terutama sekolah rendah. Melalui medium inilah yang akan diguna pakai dalam pelaksanaan kajian dalam tangani isu disiplin . Dalam kajian ini juga turut diserap unsur muzik sebagai sebahagian daripada unsur Bimbingan Kreatif yang mana Muzik adalah sebahagian dari Bimbingan Kreatif, (David Adward 2004). Menurut Cathy.A Malchiodi, (2005), juga menyifatkan terapi muzik sebahagian daripada Terapi Kreatif, di mana kesannya amat positif terutama, dalam mengubah tingkah laku, psikologi, dan keupayaan untuk bermasyarakat. Apa yang menarik di sini mengadaptasikan terapi muzik itu sebagai medium bimbingan. Melihat ia dari segi psikososial , ia menghubungkan tingkah laku dalam pergaulan, dalam emosi ia membantu stabil kan emosi, serta dalam komunikasi ia membantu membina hubungan. Bagi kognitif, sebagai alat berkomunikasi, dan dari segi emosi, untuk rasa selamat,(David Adward, 2004). Terapi Muzik, merupakan sesuatu yang ajaib iaitu ia sesuatu yang meluas, sesuatu yang neutral, fleksibel semua terbiasa dengan muzik dan ia satu pilihan. Muzik terdiri dari menyanyi, mendengar, bermain dan pergerakan, (Deb Del Signore, Rebecca Froman, Erica Hornthal ,2012).

Fokus seterusnya, kajian ini juga bertindak menilai kesan Modul ini juga terhadap dua lagi pemboleh ubah yang dipilih iaitu, Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri. Pemilihan pemboleh ubah ini begitu signifikan dengan isu kemenjadian murid terutama dari segi masalah disiplin yang berlaku di sekolah rendah.





Meneliti Tingkah laku Agresif itu sendiri ia juga di definisikan tingkah laku agresif (secara fizikal) kebanyakannya membawa maksud seseorang itu mempunyai “niat” untuk mendatangkan kesakitan dan kecederaan kepada individu yang lain (Crick et al, 2004). Walau bagaimanapun, “niat” bukan sahaja sukar untuk diukur dalam setiap peringkat umur, namun tingkah laku agresif dianggap sebagai tingkah laku bermasalah pada peringkat awal kanak-kanak (Hartup, 2005). Ini membawa kepada tercetusnya persoalan dalam kalangan ibu bapa dan pendidik bagaimanakah kanak-kanak pada peringkat awal ini boleh mempunyai “niat” untuk mencederakan individu lain terutama rakan sebaya mereka sendiri. Lebih-lebih lagi, kebolehan untuk meramal akibat daripada sesuatu perbuatan, dan kebolehan memahami perasaan individu lain masih belum berkembang sepenuhnya sehingga akhir umur pra sekolah (Zahn-Waxler, 1992). Awal kanak-kanak memahami bahawa apabila mereka bertingkah laku secara agresif untuk mendapat dan mereka akan mendapat perhatian akan diberikan sepenuhnya kepada mereka. Ini bermakna, kanak-kanak tersebut berkelakuan agresif bukan dengan niat untuk mencederakan rakan yang lain (Sroufe, 1995), namun tujuan mereka adalah untuk meraih perhatian individu sekeliling dengan melanggar disiplin sekolah dan menghalang proses kemenjadian.

Apa yang dikatakan tingkah laku agresif ini apabila ia telah melibatkan serangan fizikal . Masalah disiplin ini, jika dilihat dalam konteks sekolah rendah ia seperti bergaduh antara kumpulan , ia bermula dengan pergaduhan kecil bermula dalam kelas melibatkan dua orang murid boleh membawa kepada pergaduhan lebih besar melibatkan kumpulan. Selain itu tingkah laku agresif melibatkan Serangan verbal, contohnya bermula dari kata mengata antara murid melibatkan sesuatu yang kecil akhirnya berterusan sehingga kepada berlakunya pergaduhan . Seterusnya lebih





membimbangkan boleh mewujudkan dendam antara mereka , sehingga berlarutan keluar sekolah. Akhirnya menjurus tingkah laku agresif juga iaitu permusuhan . Mengikut data yang diperoleh dari Unit Hal Ehwal Murid pada tahun 2018 dari sebuah sekolah di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh melaporkan di mana murid ini suka mencari peluang untuk bergaduh, walaupun hanya bahunya tersentuh oleh murid lain. Ataupun jika ada rakan lain menjeling walaupun pada asalnya tidak namun ia sengaja dijadikan sebab untuk bergaduh. Seheinggakan melibatkan kecederaan. Melihat ini jelas menunjukkan kanak-kanak tidak terlepas dengan bertingkah laku agresif.

Selain itu Penghargaan Kendiri dilihat berkaitan dengan berlakunya masalah disiplin di sekolah dan menghalang proses kemenjadian murid. Ianya juga antara punca kepada berlakunya masalah tersebut. Penghargaan Kendiri adalah gabungan penilaian kendiri dan penilaian orang lain, dan penilaian persepsi terhadap diri sendiri, (Azizi Yahya, 2011). Ini perlu juga dilihat secara khusus. Ia dilihat bagaimana penilaian seseorang kepada diri sendiri. Apabila melibatkan persepsi orang lain terhadap murid ini wujudkan bagaimana murid itu berfikir. Sama ada berfikir secara rasional atau tidak rasional berdasarkan persepsi tersebut. Di peringkat sekolah rendah persepsi negatif terhadap diri sendiri seperti lemah dalam pelajaran, kawan lebih pandai, risau dimarahi guru tak siap kerja sekolah, saya miskin mempengaruhi masalah disiplin di sekolah (Azizi Bin Yahaya & Rohaya Binti Ahmad 2010). Penilaian ini bagaimana murid menilai tentang kebolehan, kejayaan , serta nilai diri yang dizahirkan oleh sikap mereka sama ada menerusi perkataan atau tingkah laku.

Penghargaan Kendiri dan Agresif dilihat juga adalah berkaitan antara satu sama lain. Penghargaan Kendiri yang rendah kecenderungan murid bertingkah laku agresif





di sekolah adalah tinggi. Ia melihat bahawa penghargaan Kendiri yang rendah mempengaruhi tingkah laku agresif yang adalah sangat tinggi. Individu yang Penghargaan Kendiri yang rendah boleh bertindak secara agresif untuk lindungi dirinya .(Suzana Ahmad,2015). Perlakuan ini boleh mencetus kepada pelanggaran disiplin di sekolah jika tidak ditangani dengan sebaiknya. Bertitik tolak daripada ini jelas membuktikan bahawa antara faktor berlakunya isu kemenjadian murid dari segi masalah disiplin di sekolah adalah melibatkan faktor dalaman diri sendiri.

Penggunaan multimedia juga menjadi asas kepada kajian dan pembinaan modul ini. Ia sebagai tambahan sokongan kepentingan modul dihuraikan juga keperluan multimedia. Ini kerana turut diserap dalam pembinaan modul ini ialah dengan melibatkan sekali unsur multimedia juga sebagai medium kreatif. Penggunaan teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai dalam pendidikan mampu melahirkan pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang kemahiran. Integrasi teknologi multimedia dalam pendidikan berupaya melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing pada abad ke-21. Penggunaan teknologi multimedia amat efektif untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran,(Siti Zaharah Mohid et.all 2018) . Menurut Norkhairani (2004), menyatakan penambahbaikan medium teknologi multimedia terutama dari segi audio visual telah menyebabkan kanak-kanak pada abad ke - 21 ini terdorong untuk meluangkan lebih masa berbanding dengan komunikasi lisan. Ini boleh menjadi faktor utama akhlak dan kelakuan seseorang kanak-kanak itu akan dipengaruhi secara sedar mahupun pra-sedar terus daripada bahan-bahan multimedia yang ditonton, (Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah,Nurul Hidayah Ahmad Zakhi 2012).





Nico dan Daprati, (2009) mendapati bahawa audio visual mampu memberi kesan yang tinggi terhadap proses kognitif seseorang individu. Mengaplikasikan kedua-dua pendekatan ini, kanak-kanak mampu memahami bimbingan berserta nasihat yang diberikan dan impak positif yang mendalam ke atas perilaku kanak-kanak tersebut (Grey 2010). Perisian permainan video yang menerapkan nilai-nilai akhlak seorang Muslim dapat membentuk jati diri seseorang murid kerana minda mereka juga memproses maklumat dalam keadaan pra-sedar tanpa sebarang tekanan, (Izam Shah, 2007).

Daripada ini menunjukkan kajian ini bertepatan untuk dilaksanakan terutama melibatkan sekolah rendah. Idea-idea yang di huraikan berfokus kepada persoalan pertamanya terdapat isu yang perlu diselesaikan, keduanya perlu ada kaedah yang sesuai dan ketiganya kaedah yang akan diguna pakai tersebut perlu berkesan. Terutama untuk atasi masalah disiplin di sekolah.

Daripada itu ianya berfokus kepada murid-murid selepas menjalani prosedur Modul Peningkatan Disiplin REBT Bimbingan Kreatif yang telah diterapkan unsur multimedia ini perlu dilaksanakan dalam mengisi kelompangan bimbingan khususnya sekolah rendah untuk diisi dengan modul-modul yang menarik. Pembinaan modul ini ialah sebagai intervensi kepada berlakunya masalah disiplin yang berpunca daripada bentuk Pemikiran Tidak Rasional, di samping dua lagi faktor lain iaitu, Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri yang rendah. Selain itu ia juga boleh mendorong kepada bercapahnya teknik bimbingan terutama dalam membantu Kementerian Pendidikan dalam usaha tangani isu disiplin seperti ponteng dan buli di sekolah, dan seterusnya berfokus kepada aspek kemenjadian murid. Modul ini juga bertindak sebagai



bahan bantu kepada Guru Bimbingan dalam melaksanakan tugas harian di sekolah. Garapan teknologi sebagai alat bantu dalam modul menjadikan ia modul yang mudah digunakan serta menarik minat murid berbanding modul konvensional lain.

1.3 Penyataan Masalah

Masyarakat umum mengandaikan bahawa sekolah merupakan satu tempat yang menyeronokkan. Tempat di mana setiap kanak-kanak begitu teruja untuk hadir. Ini kerana sekolah dilihat medan utama dalam perolehan maklumat dan ilmu yang menjadikan murid tersebut berilmu dan berperibadi unggul. Sekolah juga menjadi tempat untuk kanak-kanak ini mempelajari pelbagai kemahiran sosial yang lain seperti, cara bergaul, berkawan dalam membentuk peribadi yang terbaik dalam proses mereka membesar (Kemenjadian). Melihat itu, peranan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mempelbagaikan aktiviti yang ada di sekolah dalam memenuhi kehendak itu. Selain fungsi utama iaitu sebagai medan Pengajaran dan Pembelajaran, adalah penting juga dengan menjadikan sekolah sebagai lokasi terpenting serta istimewa yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh kanak-kanak untuk hadir setiap hari. Untuk itu peranan dan saranan khususnya pihak Kementerian Pendidikan harus meluas dan menyeluruh dalam usaha membentuk satu budaya, suasana persekitaran sekolah yang begitu mesra murid dan kondusif seperti cogan kata. “Sekolahku, Syurgaku”. Untuk menjadikan sekolah dekat di hati kanak-kanak ini.

Justeru itu untuk jadikan sekolah sebagai medan “Sekolahku, Syurgaku”, fokus utama melalui dasar kementerian ini perlulah ke arah kemenjadian murid itu sendiri



yang mana, mereka ini yakni murid tersebut ,bebas dari permasalahan disiplin. Kementerian Pendidikan Malaysia sering mengutarakan hal yang berkaitan dengan kemenjadian murid kerana ia menjadi antipati utama dasar Pendidikan . Pembentukan dasar ini adalah satu inisiatif dalam mencari pendekatan terbaik untuk membentuk murid berfungsi sepenuhnya dalam Pendidikan melalui pembentukan disiplin yang mantap. Untuk itu usaha utnuk fokus kepada kemenjadian murid fokusnya utama perlu tangani masalah disiplin di sekolah. Terutama sekolah rendah iaitu dengan melalui Perkhidmatan Unit Bimbingan Dan Kaunseling. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui perekayasaan Bimbingan dan Kaunseling amat mengharapkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ini menjadi antara unit yang paling berkesan di sekolah dalam membentuk kemenjadian murid ini. Contohnya boleh dilihat melalui gambaran satu dari tiga Aspirasi Pendidikan 2018-2023, iaitu antaranya menekankan aspek Pembentukan Sahsiyah yang menjadi intipati kemenjadian murid dalam pembentukan disiplin.

Selain itu di pihak Kementerian Pendidikan melalui, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, juga sekolah melaksanakan pelbagai program-program yang menjurus ke arah kemenjadian murid dalam aspek disiplin. Antaranya sebahagian seperti, Sekolah ku Syurga ku, Program Sekolah Selamat, Program Guru Penyayang dan kaunseling berfokus. Semua pihak mengharapkan sekolah menjadi lokasi yang paling selamat bagi kanak-kanak dan bebas dari masalah disiplin dan murid begitu berkeinginan untuk hadir. Usaha-usaha yang bersepadu dari semua pihak penting dan dibuat secara berterusan untuk mengelak sesuatu yang boleh menggugat keselamatan di sekolah, (Shamsiah Mohd Amin at.ell 2005). Kemenjadian murid dari segi disiplin juga dikaitkan dengan keberadaan murid di sekolah. Ia turut menjadi fokus utama





pihak kementerian dalam memastikan kanak-kanak ini terus berada di landasan yang betul terutama untuk menimba ilmu. Namun demikian hasrat jadikan “Sekolah ku Syurgaku” tidak berkesan apabila berlaku masalah disiplin, kanak-kanak ini berasa tidak selamat berada di sekolah. Kesannya seperti kemerosotan kehadiran ke sekolah. Hal ini berlaku ekoran daripada pelbagai isu masalah disiplin yang tidak dibendung dengan baik, masalah disiplin tersebut seperti buli (perkataan, fizikal) dan bergaduh. Kedua-dua faktor ini menjadi antara penyebab kepada murid takut untuk hadir ke sekolah. Malah ada yang sanggup ponteng untuk hadir ke sekolah kerana takut dibuli oleh rakan lain.

Agen utama disekolah dalam proses kemenjadian murid di sekolah adalah melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Di Negara kita, Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah rendah merupakan satu entiti penting. Melalui perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling pelbagai program yang benar-benar sesuai boleh dilaksanakan mengikut keperluan murid untuk kemenjadian ini. Antara perkhidmatan yang ditawarkan melalui saranan KPM dalam perekaayaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sepenuh masa ialah, pembangunan dan pengembangan sahsiah murid, peningkatan disiplin murid, psikososial dan kesejahteraan mental murid, dan pendidikan kerjaya murid. (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012). Ia dilihat sebagai satu program pembangunan yang agak berfokus namun ke fungsian Unit Bimbingan Dan Kaunseling masih belum jelas. Guru Bimbingan dan Kaunseling tidak begitu faham dengan fungsi mereka, terutama dari segi bidang tugas yang sering dicampur adukan dengan tugas pengkeranian yang tidak sepatutnya. Peranan mereka tidak meliputi tugas sebenar mereka. Tidak ada bidang tugas lengkap yang boleh mereka ikut dan berfungsi dengan sebaiknya dalam melaksanakan program sepatutnya



terutama menjadikan tema “Sekolahku,Syurgaku” dan proses kemenjadian murid melalui peningkatan disiplin tidak menjadi kenyataan.

Walau kita tahu di Negara kita walaupun bilangan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa semakin bertambah terutama di sekolah rendah di Malaysia. Malah ada sekolah melaksanakan program sekadar memenuhi syarat yang ditetapkan dalam takwim pengurusan unit yang hanya mengehendaki program dilaksanakan. Tanpa menilai ia berkesan atau tidak terutama dalam tangani isu-isu besar di sekolah yang melibatkan disiplin.

Guru Bimbingan Dan Kunseling perlulah menjadi agen kepada aspek kemenjadian murid dan membentuk tema “Sekolahku,Syurgaku”,Keperluan kepada Intervensi baharu yang mengetengahkan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling yang berfokus kepada masalah disiplin khususnya ponteng dan buli adalah sesuatu yang ada wajarnya. Melalui kaedah kaunseling adalah penting dalam usaha tangani masalah disiplin di sekolah khusus dalam kemenjadian murid.

Justeru itu, keperluan untuk mencari satu bentuk intervensi baru amatlah penting. Terutama kaedah yang sesuai khas untuk sekolah rendah . Atas sebab itu, melalui kajian ini yang akan berfokus kepada satu bentuk modul intervensi untuk atasi permasalahan disiplin ponteng dan buli yang akan memberi kesan kepada aspek kemenjadian murid. Selain itu kaedah bimbingan dalam perkhidmatan kaunseling sekolah rendah juga perlu berubah dari masa ke semasa. Ia memerlukan kepada sesuatu pendekatan yang lebih berkesan. Walaupun sebelum ini pendekatan konvensional



seperti menghukum , merotan, mendenda atau bertindak menghubungi ibu bapa, difikirkan satu langkah terbaik namun ia tidak dapat atasi isu tersebut

Menurut Gresham, (2004) dalam Olivares dan Herruzo (2010) adalah penting untuk membangunkan atau mengkaji sebarang intervensi yang boleh memperbaiki perlakuan negatif pelajar terutamanya perlakuan descriptive yang mengganggu di dalam bilik darjah. Salah satu kaedah yang dianggap terbaik dalam menangani isu ini ialah melalui penggunaan modul. Mengaplikasikan modul bimbingan kelompok dalam kajian lebih berkesan berbanding kaunseling individu terhadap para pelajar remaja yang cenderung melakukan salah laku sosial serta berkelakuan negatif, (Adcock, Webster, Leonard & Walker, 2008).



pendekatan alternatif yang diguna pakai di sekolah. Menurut Azizah, (2016) setelah penelitian berkaitan isu-isu berkaitan di sekolah di Malaysia , pendekatan Bimbingan Kreatif amatlah besar peranannya dalam kemenjadian murid. Ia dilihat dengan memperkenalkan kaedah Bimbingan Kreatif sebagai medium baru dalam proses bimbingan dan kaunseling. Perkhidmatan bimbingan khususnya sekolah rendah terutama yang melibatkan Bimbingan Alternatif seperti Terapi seni , Bimbingan Kreatif, Terapi Bermain, Terapi Muzik . Bimbingan Alternatif merupakan pendekatan yang baru dan ini perlu terus dikembangkan dengan adakan kajian-kajian yang lain yang masih belum diterokai (Norsayyidatina 2017)

Selain itu aspek kemenjadian murid di sekolah juga juga dilihat berpunca daripada aspek psikologi kanak -kanak itu sendiri. Terutama aspek fizikal dan mental.





Terutama aspek pemikiran tidak rasional tingkah laku agresif dan penghargaan sendiri yang rendah. Ekoran dari itu ia boleh menjurus dari perlakuan pelanggaran disiplin seperti ponteng dan buli. Ia juga boleh mewujudkan suasana yang tegang yang boleh mencetuskan krisis disiplin yang serius dan saling berkaitan antara satu sama lain. Pemikiran tidak rasional boleh wujud dalam pelbagai situasi. Mangsa buli yang sering diejek secara verbal mencetuskan bentuk pemikiran yang tidak rasional. Enggan ke sekolah, sanggup ponteng, Ia kerana fikir kawan akan terus buli. Perasaan sentiasa takut dan fikir secara tidak rasional seperti 11 bentuk pemikiran tidak rasional Elbert Ellis. Penghargaan Kendiri dan Agresif dilihat juga adalah berkaitan antara satu sama lain. Penghargaan Kendiri yang rendah dilihat murid lebih cenderung untuk bertingkah laku agresif di sekolah adalah tinggi. Kajian yang dibuat oleh Suzana Ahmad,(2015), melihat bahawa penghargaan Kendiri yang rendah mempengaruhi tingkah laku agresif yang adalah sangat tinggi. Individu yang Penghargaan Kendiri yang rendah boleh bertindak secara agresif untuk melindungi dirinya. Perlakuan ini boleh mencetus kepada pelanggaran disiplin di sekolah jika tidak ditangani dengan sebaiknya. Bertitik tolak daripada ini jelas membuktikan bahawa antara faktor berlakunya masalah disiplin di sekolah adalah melibatkan faktor dalaman diri sendiri.

Dilihat dari masalah kemenjadian murid dari segi disiplin yang berlaku, terutama masalah kehadiran dan buli di sekolah sesuatu perkara perlu dilakukan, terutama dalam mencari alternatif kepada proses bimbingan yang sedia ada. Ia juga perlu kepada sesuatu yang baru agar sesuai dengan keadaan semasa terutama kanak-kanak yang membesar di era sains dan teknologi. Atau lebih mudah difahami, era kanak-kanak digital. Mereka membesar dengan gajet dalam semua aspek dimana seawal usia dua tahun dikatakan telah di dedahkan dengan gajet. Isu disiplin adalah sesuatu yang





global, namun begitu ia perlu ditangani dengan bijak dan ia juga perlu dilihat dari pelbagai aspek. Di sini jika dilihat dari aspek kemajuan dan kemodenan. Secara amnya dari perspektif sarjana akademik, arus kemodenan teknologi multimedia mempunyai hubungan kait yang rapat dengan nilai-nilai sesebuah masyarakat terutama terhadap golongan kanak-kanak. Jika ia tidak disalurkan dengan sesuatu yang baik kesannya amat buruk terutama terhadap perkembangan tingkah laku dan emosi kanak-kanak ini. Seterusnya Impaknya amat besar kepada Negara dan khususnya dalam usaha menangani isu disiplin di sekolah. Seperti telah dibincangkan awal tadi satu keperluan untuk mencari satu pendekatan terkini dan terbaru sesuai dengan perubahan corak pemikiran dan pendedahan kanak-kanak. Modul Peningkatan Disiplin REBT (MPDR) Pendekatan Bimbingan Kreatif. Selain melalui proses bimbingan secara konvensional, baru perlu dihasilkan. Untuk kaitkan melalui kajian dilihat tingkah laku agresif melalui pendekatan REBT merupakan yang terbaik untuk menangani tingkah laku agresif murid sekolah,(Azemi Shaari dan Rahimi Che Amran 2010).

Kesimpulannya atas jurang keperluan baru ini, saranan demi saranan yang dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu memungkinkan satu pendekatan atau kaedah baru intervensi dibina dalam usaha membantu pihak-pihak berkaitan khususnya dalam usaha pembentukan diri murid terutama dalam mengatasi isu disiplin seperti ponteng dan buli di sekolah rendah. Permasalahan keduanya pula keperluan kepada membina satu pendekatan baru yakni Modul, sebagai intervensi dalam pemulihan masalah disiplin khususnya sekolah rendah yang akan digunakan oleh guru Bimbingan dan Kaunseling. Permasalahan yang ketiga menggunakan modul yang dibina sebagai intervensi ke atas Pemikiran Tidak Rasional, Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri yang rendah yang dikatakan menjadi punca kepada tinggi atau berlakunya



masalah disiplin seperti ponteng dan buli di sekolah rendah yang menghalang proses kemenjadian murid dalam peningkatan disiplin yang menjadi faktor utama kajian ini dilaksanakan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan bagi menilai Keberkesanan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif Terhadap Pemikiran Tidak Rasional , Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri yang boleh mempengaruhi kemenjadian murid di sekolah rendah terutama dari aspek peningkatan disiplin.

1.4.1 Penjelasan Berdasarkan Teori REBT Elbert Ellis digabungkan dalam kerangka konseptual.

Teori Rational Emotif Behavioral Therapy (REBT) menjadi dasar integrasi kepada kajian ini. Seperti rajah anak panah ke atas menunjukkan penggunaan REBT. Peringkat-peringkat dalam REBT bermula A,B,C,D,E dan F akan digunakan dalam proses pemulihan. Selain itu peranan guru bimbingan juga mengadaptasikan teknik dalam REBT . Teknik-teknik dalam REBT seperti peringkat pemulihan antaranya akan digunakan sebagai alat dalam modul untuk jadikan lebih menarik dan mampu memulihkan murid yang terlibat. Teori REBT ini lah yang telah diterapkan ke dalam 14 aktiviti modul yang dibina, dan akan diuji ke atas sampel yang telah dipilih.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:-

- i. Mengukur kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT pendekatan Bimbingan Kreatif yang dilaksanakan terhadap pemikiran tidak rasional berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- ii. Mengukur kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- iii. Mengukur kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan Penghargaan Kendiri berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

1.6 Persoalan Kajian

Soalan Kajian adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT pendekatan Bimbingan Kreatif yang dilaksanakan terhadap pemikiran tidak rasional berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?.
- ii. Adakah terdapat perbezaan kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?.



- iii. Adakah terdapat perbezaan kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan Penghargaan Kendiri berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?.

1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini menggunakan Modul Peningkatan Disiplin REBT pendekatan kreatif sebagai satu intervensi untuk membentuk semula pemikiran tidak Rasional murid kepada rasional berkonsepkan integrasi teori REBT. Pemikiran tidak rasional ini amat berhubung dengan berkembangnya tingkah laku agresif yang menjurus kepada timbulnya isu disiplin di sekolah rendah.

Selain itu, ia juga berkait rapat dengan penghargaan sendiri murid yang rendah terkait dengan permasalahan disiplin tersebut. Pengkaji membayangkan bahawa Modul Bimbingan Kreatif Pendekatan REBT ini akan membantu murid agar lebih rasional dalam bertingkah laku, tidak agresif dan penghargaan sendiri yang tinggi seterusnya membasmi masalah disiplin mereka. Daripada empat persoalan kajian dipecahkan kepada 15 hipotesis. Hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

Adakah terdapat perbezaan kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT pendekatan Bimbingan Kreatif yang dilaksanakan terhadap pemikiran tidak rasional berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?.



- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap pemikiran tidak rasional antara ujian pra dan ujian pos
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap pemikiran tidak rasional dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap pemikiran tidak rasional dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap pemikiran tidak rasional dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Adakah terdapat perbezaan kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?.

- Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap pemikiran tidak rasional dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos



Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif antara ujian pra dan ujian pos

Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan

Adakah terdapat perbezaan kesan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan Penghargaan Kendiri berdasarkan ukuran pra ujian dan pos ujian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?.



Ho8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan

Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra

Ho10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap penurunan tingkah laku agresif dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos





- Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan penghargaan sendiri antara ujian pra dan ujian pos
- Ho12 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan penghargaan sendiri dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan
- Ho13 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan penghargaan sendiri dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan
- Ho14 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan penghargaan sendiri dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra
- Ho15 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif terhadap peningkatan penghargaan sendiri dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos

1.8 Kerangka Konseptual

Bahagian ini akan membincangkan Kerangka Konseptual kajian yang dipaparkan dalam bentuk jadual agar mudah difahami. Ia dibina berdasarkan pemboleh ubah-



pemboleh ubah yang telah dikenal pasti. Ia mengandungi idea-idea asas apa yang dikaji dan siapa penyelidik yang terlibat, (Mohd Zahir ,2007). Ia juga sebagai panduan penyelidik agar lebih fokus kepada kajian yang dibuat.

Kajian ini untuk melihat kesan MPDR pendekatan bimbingan kreatif terhadap kanak-kanak sekolah rendah. Pemboleh ubah bebas ialah MPDR manakala pemboleh ubah bersandar ialah Pemikiran Tidak Rasional, Tingkahlaku Agresif dan Penghargaan Kendiri. Kajian ini melibatkan kaedah eksperimen di mana dua kumpulan akan dibentuk iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Kumpulan rawatan akan menjalani intervensi MPDR untuk menguji keberkesanannya terhadap Pemikiran Tidak Rasional, Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri. Manakala kumpulan kawalan tidak akan lalui MPDR namun akan lalui semua aktiviti Unit Bimbingan Dan Kaunseling yang dibuat kecuali MPDR. Penyelidik akan memberikan kedua dua kumpulan skala iaitu skala Keberkesanan Emosi Ellis, Skala Agresif dan Skala Penghargaan Kendiri pada peringkat Pra dan dan pasca untuk menguji keberkesanan.


Penyelidik membangunkan Modul ini berdasarkan Model Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin (2005). Melalui model ini terdapat 15 peringkat pembinaan modul yang diikuti dalam memastikan ia benar-benar menjadi modul yang berkesan. Melalui 15 peringkat dan dua fasa ini membentuk 14 aktiviti sesi bimbingan dengan tempoh masa 60 minit setiap sesi yang melibatkan pengenalan sehinggalah kepada sesi penutup. Aktiviti sesi bimbingan tersebut melalui aktiviti berikut:

Aktiviti 1: Saya semangat 1	30 minit
Aktiviti 2: saya semangat 2	30 minit
Aktiviti 3: Ekspresi wajah	60 minit
Aktiviti 4: Pengenalan Konsep REBT	60 minit
Aktiviti 5: Saya percaya,	60 minit
Aktiviti 6: Hatiku	60 minit
Aktiviti 7: Wajah Kegemaran ku	60 minit
aktiviti 8: Siapa Aku	60 minit
Aktiviti 9: Neraca Wajah	60 minit
Aktiviti 10: Wajah sebenar ku	60 minit
Aktiviti 11: Saya ok	120 minit
Aktiviti 12: Saya Berubah	60 minit

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

Penamatan	
Aktiviti 13: Luncur Kehidupan	60 minit
Aktiviti 14: Rumusan	60 minit

Pembinaan MPDR telah dirujuk pembinaannya kepada pakar dalam bidang psikologi dan kaunseling khususnya pembinaan modul. MPDR pendekatan Bimbingan Kreatif ini memberi peluang kepada murid khususnya sekolah rendah sebagai medium baru bimbingan dan kaunseling selain kaedah konvensional.



Rajah 1.4. Kerangka Konseptual dan teoretikal kajian.

1.8.1 Penjelasan Program Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif dalam kerangka konseptual

Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif ini merupakan satu psiko pendidikan yang menggunakan unsur bimbingan kreatif dalam pelaksanaannya. Ia melibatkan 14 aktiviti yang melibatkan modul berintegrasi Teori REBT serta bimbingan kreatif yang mana pengisian nya dengan elemen kreatif seperti muzik dan elemen multimedia yang akan dibincangkan secara lanjut nanti.

Kajian dilaksanakan ke atas dua kumpulan bimbingan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kedua dua kumpulan akan lalui peringkat ujian pra dan post. Sebagai kajian akhir hanya kumpulan rawatan yang akan lalui modul yang dibina dan di akhir sesi kedua dua kumpulan juga di beri ujian untuk melihat keberkesanan modul tersebut terutama kepada kumpulan rawatan. Melalui teori REBT (Elbert Ellis), aspek

penyembuhan mengikut teori dalam peringkat A,B,C,D, E dan F yang diintegrasikan dalam modul sebagai asas kepada pemulihan . Selain itu unsur multimedia seperti, audio, visual, teks dan pembinaan PowerPoint melalui prinsip CASPER diketengahkan.

MPDR berada dalam bulatan di tengah yang membawa anak panah ke atas di mana teori utama (Tunggal) REBT akan digunakan. Anak panah kedua ke bawah menunjukkan di mana bimbingan kreatif akan digunakan sebagai medium alternatif ke arah pemulihan murid. Seterusnya tiga anak panah ke kanan bermula bulatan pertama iaitu pemikiran tidak rasional, bulatan kedua tingkah laku agresif dan konsep sendiri. Dimana ketiga-tiga pemboleh ubah ini yang akan dibantu terhadap murid ke arah perubahan yang lebih baik. Terutama membantu murid dalam membentuk tingkah laku agar lebih berdisiplin di sekolah.

1.8.2 Penjelasan Teori dari segi terapi muzik sebagai unsur Bimbingan Kreatif digabungkan dalam kerangka konseptual

Tidak dinyatakan dalam rajah namun ia merupakan sebahagian daripada unsur bimbingan kreatif, Pandangan demi pandangan, yang dilihat berkaitan muzik ia menjadi asas kepada modul ini dibuat. Muzik juga menjadi elemen penyembuh utama dalam banyak kajian yang dilakukan. Ianya juga dilakukan secara ilmiah mahupun bukan secara , pada peringkat awal modul ini dibuat , hasil dari pemerhatian secara tidak langsung, muzik amat besar pengaruhnya kepada kanak-kanak alaf 21.

Program ini dirancang dengan kepelbagaian elemen yang diyakini mampu menarik minat kanak-kanak terhadap sesi bimbingan. Elemen muzik digabung jalin dengan elemen digital yang mana diyakini mampu menarik perhatian kanak-kanak

supaya lebih fokus dan mampu untuk perubahan sendiri terutama dari segi emosi, psikologi dan tingkah laku.

Untuk Program ini, disertakan muzik dengan elemen gelombang Alpha yang mampu memberi ketenangan kepada kanak-kanak ke arah sesuatu yang lebih positif. Gambaran muzik pilihan telah dinyatakan dalam modul yang disediakan. Bagi menjelaskan lebih tepat Prinsip Asas Teori Muzik dibahagikan kepada tiga iaitu, detik, jenis Not dan tanda rehat. Unsur inilah menjadi asas kepada pembinaan modul terutama dalam pelaksanaannya sebagai agent penyembuh.

1.8.3 Penjelasan Berdasarkan Teori Kognitif Multimedia Pembelajaran (Mayer dan Moreno, 2001) sebagai unsur tambahan pemulihan digabungkan dalam kerangka konseptual

Unsur multimedia dan teknologi juga tidak dinyatakan dalam rajah namun ia juga antara unsur yang akan digunakan dalam pembinaan modul nanti. Unsur ini telah banyak diguna pakai dalam pembelajaran dan pengajaran. Ia merupakan elemen terpenting dalam kajian ini. Namun begitu seperti perbincangan sebelum ini bagi Bimbingan dan Kaunseling, khususnya bimbingan bagi sekolah rendah kurang dibincangkan. Ia seolah-oleh tidak turut sama dibawa arus perkembangan semasa. Mana tidaknya perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling masih menggunakan pendekatan konvensional iaitu secara bersemuka antara klien dan Guru Bimbingan

Banyak kajian hanya melibatkan modul berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Namun ia tetap berfokus kepada keberkesanannya dan keupayaannya dalam membantu murid. Antaranya hasil kajian Lee Tien Tien dan Kamisah Osman

(2012) dalam Penggunaan Modul Multimedia dalam pembelajaran elektrokimia, walau bidangnya berbeza tapi fokus nya untuk tarik minat dan hasilnya dijelaskan bahawa bahan berbentuk animasi dan simulasi begitu memperkuat pemahaman murid terhadap sesuatu yang diajar.

Penggunaan multimedia sebagai alat bantu pengajaran untuk pendidikan merupakan sesuatu yang penting. Kaedah ini juga boleh meningkatkan motivasi untuk belajar. Ia juga dikaitkan dengan satu proses aturan mental secara masuk akal dengan struktur kognitif dengan menghubungkan satu pengetahuan yang baru dengan yang sedia ada. Maksudnya di sini ia saling lengkap melengkapkan antara satu sama lain, (Mayer dan Moreno, 2001)

1.8.4 Penjelasan Teori berkaitan pembinaan bahan berasaskan multimedia khusus Power point (Grafik) unsur bimbingan kreatif digabungkan dalam kerangka konseptual.

Unsur ini juga tidak dinyatakan dalam pembinaan rajah namun ia sebahagian juga dari unsur bimbingan kreatif yang akan diterapkan dalam pembinaan modul. Grafik ini dari segi pendefinisian merupakan kombinasi gambar, lakaran, lukisan, huruf , angka, lambang, perkataan atau huruf citra yang menjadi satu media pengajaran. Ia memberi satu gambaran pendidikan dengan memberikan gambaran idea dalam satu bentuk penterjemahan kepada penerima maklumat.(Izzaty 2009). Multimedia pula didefinisikan sebagai perisian, yang berasaskan computer yang menggabungkan sekurang-kurang dua atau lebih dari media tersebut. Seperti contoh, Teks, Grafik, Animasi, Audio dan video.(Izzaty 2009).

Dalam kajian ini, oleh kerana ia melibatkan perisian Power Point. Kaedah ini dipilih kerana ia mudah untuk dikendalikan, dan majoriti guru-guru bimbingan telah didedahkan dengan penggunaannya. Prinsip CASPER merupakan satu kaedah yang diguna pakai dalam penyediaan persembahan multimedia dalam kajian ini. Melalui prinsip ini, satu bentuk persembahan yang menarik dan dibina secara teratur dan berkesan. Ia penting untuk memastikan program yang dijalankan berkesan dan tidak dibina atas dasar mencuba, tetapi berdasarkan kaedah atau teori yang sememangnya digunakan dalam multimedia.

Prinsip CASPER, melibatkan beberapa enam prinsip asas pembinaan media untuk modul ini. Iaitu, Contrast (Konstrast), Alighment (Seimbang), Simplicity (Ringkas), Proximity (Jarak dengan Objek), Emphasis (Penekanan), dan Repetition (Pengulangan).

Kaedah ini digunakan dalam pembinaan bahan bantu berasaskan PowerPoint dalam modul yang akan ditayangkan kepada murid yang terlibat dalam kajian ini nanti. Daripada gambaran ini daripada pendefinisian ini, penjelasan daripada gambaran grafik dan multimedia itu sendiri cukup untuk menggambarkan perkaitan modul ini sebagai satu gabungan teknologi bagi mewujudkan satu bentuk bimbingan baru dalam perkhidmatan kaunseling. Secara lebih lanjut dijelaskan peranan dan fungsi multimedia banyak memudahkan dan menyenangkan pengguna dalam penyampaian maklumat terutama untuk proses bimbingan. Ini kerana kelebihannya yang dapat menyokong kajian ini, ialah ia lebih menarik, berkesan, dalam penyampaian maklumat secara terus kepada murid.



1.8.5 Penjelasan teori berkaitan Pemikiran Tidak Rasional, Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri digabungkan dalam kerangka konseptual.

Ketiga-unsur ini menjadi kayu ukur kepada keberkesanan Modul Peningkatan Disiplin REBT Pendekatan Bimbingan Kreatif ini. Ketepatan teori dengan keberkesanan perlaksanaannya, juga gabungan daripada pendekatan Bimbingan Kreatif yang akan digunakan diyakini akan mengubah pemikiran tidak rasional, kepada rasional, mengurangkan Tingkah laku Agresif serta membantu dalam meningkatkan Penghargaan Kendiri. Seterusnya kesannya program yang dilaksanakan berkesan ke atas mereka.

1.8.6 Penjelasan teori berkaitan alat ujian dan hasil daripada pelaksanaan modul digabungkan dalam kerangka konseptual.

Seterusnya turut dibincangkan dalam kerangka konseptual ialah kaedah pengukuran yang akan dibuat untuk mengukur keberkesanan modul. Alat ukur yang pertama ialah Soal selidik Kecerdasan Emosi Ellis. Soal selidik juga melalui proses kesahan di peringkat pakar, dan lapangan.

Di samping itu, dua lagi soal selidik yang akan digunakan ialah, soal selidik agresif, yang sedia ada dan juga telah lalui kesahan kandungan oleh pakar dalam bidang, serta soal selidik penghargaan kendiri Coopersmith. Soal selidik Coopersmith juga telah lalui kesahan kandungan oleh pakar. Manakala bagi soal selidik agresif, kesahan sedia ada yang dibuat telah ada namun ia tetap akan diuji kesahan dan kebolehpercayaan juga di lapangan agar ia sesuai dengan kanak - kanak sekolah rendah.



Hasilnya dengan keberkesanan modul dan alat uji yang sesuai data yang akan diperoleh mencapai matlamat, terutama dalam mengubah pemikiran tidak rasional kepada rasional, mengurangkan tingkah laku agresif dan meningkatkan penghargaan sendiri murid.

Penjelasan kerangka konseptual berdasarkan ujian pre dan ujian post yang menjadi penilaian utama ujian dalam kajian.

Berdasarkan kerangka konsep sampel terutama kumpulan rawatan akan lalui dua kali ujian sebagai pengukuran keberkesanan modul yang dibina. Ujian pre dilakukan untuk penilaian awal sebelum intervensi dilaksanakan. Setelah itu ujian post pula akan dilaksanakan selepas modul dilaksanakan ke atas sampel terpilih. Manakala bagi kumpulan kawalan tidak akan lalui hanya ujian pre sahaja. Kumpulan kawalan juga tidak akan lalui modul intervensi tetapi hanya lalui program-program sedia ada di sekolah seperti murid-murid yang lain. Setelah itu kumpulan kawalan juga akan lalui ujian pra untuk ukur tiga variable terpilih.

1.8.7 Kesimpulan

Bimbingan Kreatif khususnya dalam pembangunan modul peningkatan disiplin merupakan satu pendekatan alternatif dalam proses bimbingan konvensional. Melalui integrasi teori REBT dan digabungkan dengan teori multimedia yang banyak menjiwai watak kanak-kanak abad 21. Ia diyakini boleh membentuk satu perspektif baru dalam dunia bimbingan.

Mengikut teori norma budaya, media massa, berperanan untuk mengubah dan mempengaruhi sikap individu Tomr Suprato M.S (2009), media massa khususnya teknologi juga boleh mencipta satu budaya yang baru dan apa yang perlu, serta juga dapat mengubah perilaku.

Jelaslah di sini peranan multimedia dan media massa, juga dengan penghuraian teori teorinya, juga di selang seli dengan penerapan teori khususnya teori bimbingan dan kaunseling sendiri iaitu teori REBT, akan memacu program ini ke arah keberkesanannya dalam membentuk perubahan emosi dan tingkah laku, dan dapat berfungsi dengan baik dalam masyarakat.

Kajian ini memberi kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha membanteras masalah disiplin di sekolah. Pelbagai inisiatif yang telah dirancang dan dilakukan oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah kemenjadian murid di sekolah melalui peningkatan disiplin. Melalui modul ini dengan kaedah terkini boleh memberi ruang baru kepada penyelesaian masalah tersebut. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pihak-pihak ini dalam memastikan usaha-usaha memulihkan tahap kesihatan mental dan emosi murid yang mempunyai masalah disiplin. Murid-murid yang mempunyai masalah disiplin ini haruslah diberikan bimbingan dan kaunseling yang lebih efektif dan kreatif sebelum mereka dikenakan tindakan rotan mahupun diberhentikan sekolah. Seterusnya dilihat dari sudut bidang pembangunan modal insan murid sekolah telah ditegaskan dengan jelas oleh pihak Kementerian



Pendidikan Malaysia, bahawa tindakan merotan bukanlah satu jalan penyelesaian ke arah pembasmian masalah disiplin di sekolah. Ia mesti disusuli dengan pendekatan yang lebih mesra dan berhemat. Murid merupakan modal insan yang mentah dan masih boleh dibentuk dengan kaedah yang lebih kondusif dan mesra. Dilihat modul ini bertepatan dan menjurus ke arah itu terutama dalam menangani isu disiplin di sekolah melalui peningkatan disiplin.

Pihak kementerian juga telah melaksanakan beberapa usaha dalam memastikan setiap sekolah mewujudkan persekitaran persekolahan yang lebih kondusif bagi memastikan murid-murid memiliki nilai modal insan yang tinggi. Mantan menteri pendidikan P. Kamalanathan, menegaskan guru-guru di sekolah haruslah melaksanakan tindakan secara berperingkat termasuklah memberi sesi bimbingan dan kaunseling secara berterusan ke atas murid yang bermasalah disiplin dan memfokuskan objektif dalam membina perilaku serta personaliti seseorang murid untuk tempoh jangka masa panjang.

Kepentingan kajian ini juga dilihat sumbangannya kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Setiap masa di peringkat ini, pelbagai isu berkaitan masalah disiplin sering diperkatakan. Pelbagai program-program dilakukan sebelum ini dalam usaha tangani masalah disiplin. Contohnya di peringkat negeri atau daerah program seperti, pembangunan modal insan, pemantapan sahsiah, kem smart remaja dan sebagainya. Program-program ini tidak lain dan tidak bukan bertujuan atasi masalah disiplin di peringkat negeri dan daerah. Namun isu berkaitan masalah disiplin terus berterusan seolah-olah tiada kesudahan. Wujudnya modul ini diyakini akan



memberi nilai tambah kepada usaha untuk membanteras masalah disiplin dengan kemenjadian murid melalui peningkatan disiplin di sekolah khususnya sekolah rendah.

Selain itu, kepentingan juga boleh dilihat kepada nilai tambah atau kepelbagaian kaedah hubungan menolong dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling itu sendiri. Sebelum ini jika dilihat perkhidmatan bimbingan dikatakan agak ketinggalan. Dimana ia melibatkan sesi secara bersemuka iaitu guru Bimbingan dan Kaunseling dan klien. Namun demikian melalui penghasilan modul ini, ia mempelbagaikan kaedah menolong terutama dalam Bimbingan Kreatif. Pendekatan baru secara kajian akademik dengan mempelbagaikan kaedah bimbingan yang turut digabungkan unsur multimedia dalam proses menolong. Ia diyakini akan lebih berkesan dan amat membantu atasi masalah salah laku disiplin.

Sekolah merupakan institusi utama dalam kajian ini. Dilihat dari aspek kepentingan kepada sekolah, tidak lain dan tidak bukan diyakini akan menurunkan peratusan masalah disiplin di sekolah. Modul-modul yang disusun di mana ia melihat atas dasar keperluan sekolah sendiri. Ia juga telah disusun melihat kehendak murid itu sendiri. Yang mana mereka memerlukan sesuatu kaedah yang berbeza dengan kaedah biasa dan sesuai dengan peredaran masa dan kehendak murid waktu ini yang dilihat menjurus kepada kaedah bimbingan yang kreatif disertai unsur teknologi dan digital.

Sumbangan kajian ini juga boleh memberi kesan kepada ibu bapa. Di sini ibu bapa lebih yakin dengan ke fungsian sekolah dan peranan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling itu sendiri. Ibu bapa yakin bahawa sekolah mempunyai pendekatan yang terbaik bagi membentuk masalah anak-anak mereka. Mereka juga yakin pihak sekolah



bersungguh sungguh bersama sama mereka dalam membantu atasi masalah anak-anak mereka. Dengan keyakinan masyarakat terutama ibu bapa sudah pasti akan membentuk satu jaringan yang baik antara ibu bapa dan sekolah dalam atasi masalah disiplin. Ia juga dapat capai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia terutama dalam sarana ibu bapa.

Akhirnya kepentingan kajian ini di lihat kepada responden itu sendiri. Di sini tidak lain ialah murid yang merupakan subjek utama kajian ini. Modul ini satu pendekatan yang dinamik. Walau ia agak ringkas namun dengan pembinaan yang melalui kesahan yang tepat diyakini akan membantu murid-murid ini yang begitu dahagakan pendekatan yang sesuai dengan mereka. Perubahan dalam kalangan mereka sudah pasti akan lahirkan modal insan yang terbaik dalam proses membentuk kearah kemenjadian muirid melalui peningkatan disiplin. Fokus nya tidaklah jauh cukup mereka berkesan sehingga memasuki medan baru pendidikan iaitu bekalan ke sekolah menengah.

1.10 Batasan Kajian

Bagi membincangkan berkaitan kemenjadian dalam peningkatan disiplin ini pelbagai aspek perlu diteliti. Ia merupakan kayu ukur kepada keupayaan sebenar sesuatu kajian apabila ia dijalankan. Di sini dibincangkan batasan yang dihadapi dalam meneroka perjalanan kajian.





Pertamanya kajian ini hanya terbatas kepada 38 orang murid sahaja. Mereka ini terdiri dari murid sekolah rendah di Selangor dan di daerah Gombak, yang dipilih secara sampel bertujuan. Di sini melihat skop kajian ini ia tidak boleh di buat kesimpulan secara umum melibatkan semua sekolah rendah di Malaysia. Ia hanya melibatkan dapatan murid yang terlibat dan sekolah terlibat sahaja.

Perolehan data juga nanti akan menjadi satu cabaran jika dilihat dari segi responden yang melibatkan kanak-kanak umur 11 tahun. Keupayaan dari kerjasama dan keupayaan untuk kanak-kanak ini untuk respons secara positif berkaitan kajian. Terutama untuk bercakap ,meluahkan permasalahan dan berkongsi masalah.

Selain itu isu keselamatan juga akan terpalit dalam proses pengumpulan data.

Ini kerana ia melibatkan kanak-kanak sekolah rendah dan pengujian dalam bilik khas di mana hal berkaitan dengan kebenaran ibu bapa secara bertulis amat perlu. Isunya di sini akan ada di antara ibu bapa yang tidak mengizinkan walhal anak mereka amat memerlukan bantuan.

Isu kekangan masa klien sendiri juga perlu diteliti. Ini kerana modul dijalankan dalam setting sekolah yang mana klien terikat dengan jadual belajar yang telah ditetapkan. Ia dilihat dari kekangan perlepasan dari guru kelas, kekangan ibu bapa yang mahu anaknya belajar bukan ikuti program. Itu belum dilihat hal berkaitan dengan jadual masa tahunan sekolah yang mana telah ditakwinkan segala perancangan sepanjang tahun yang melibatkan aktiviti, antaranya sukan, ko-kurikulum, bulan panitia yang mana murid yang terlibat ini perlu hadir.





Diteliti dari aspek teori itu sendiri, terutama teori kaunseling itu sendiri (REBT, Elbert Ellis), ia hanya meliputi ruang lingkup yang dibincangkan sahaja iaitu, emosi, psikologi dan tingkah laku. Fokus kajian iaitu tingkah laku dan emosi. Di mana secara kognitif nya tidak dilihat. Kemungkinan generalisasi kepulihan tidak dapat dibuat dengan seimbang.

Teori - teori lain terutama yang berkaitan multimedia, muzik dan prinsip pembinaan bahan itu sendiri memerlukan keperluan untuk mendalami secara dalam. Di sini keperluan untuk penyelidikan untuk dalami sendiri ilmu tersebut, dan bahan-bahan agak terhad untuk di perolehi dan memerlukan kerja keras untuk mendapatkannya.

Selain itu dari segi tempoh masa modul dilaksanakan juga diambil kira sebagai batasan kajian. Masa tiga bulan untuk mengumpul data tidak mencukupi untuk dapat data terbaik. Tempoh masa yang lebih lama akan memastikan data lebih valid dan menepati keberkesanan modul yang dibina.

Akhir tahun 2019, dunia diserang dengan satu wabak penyakit yang cukup besar dalam sejarah dunia wabak tersebut adalah Covid-19. Seluruh dunia termasuk Malaysia terkesan dengan pandemik wabak ini berterusan sehingga hujung tahun 2020 dan ia juga merangkumi tahun 2021. Akibat dari wabak ini banyak memberi kesan kepada kajian terutama dalam pengumpulan data. Untuk lengkapkan kajian pelbagai usaha dilaksanakan agar kajian dapat diteruskan sehingga ke peringkat sekarang.

Akibat pandemik ini juga telah menyebabkan kajian akhir iaitu untuk melihat ketekalan kajian terutama modul yang dibina mampu bertahan atau tidak ,tidak dapat





dilaksanakan. Akibat isu ini satu objektif utama kajian terpaksa digugurkan. Namun demikian ia tidak memberi kesan besar kepada kajian yang dilakukan. Kajian tetap dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memenuhi kehendak kajian.

Secara kesimpulannya di sini batasan ini sememangnya wujud terutama dalam setting sekolah rendah. Batasan tetap akan jadi halangan, namun yang paling utama matlamat utama kajian untuk lihat keberkesanan program yang dilaksanakan tercapai.

1.11 Definisi Konsep dan Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi mendasari kajian ini. Ini memerlukan definisi yang jelas. Untuk kajian memerlukan maksud yang umum dan maksud yang menggambarkan dalam kajian. Antara kedua ini adalah berbeza. Definisi ini terbahagi kepada dua, pertamanya ialah definisi konsep, dan keduanya definisi operasional. Definisi yang diterangkan dalam kajian ini adalah yang berkaitan dan sesuai dengan kajian. Antaranya ialah seperti yang dibincangkan dan dihuraikan secara konseptual dan juga secara operasional. Bahagian ini akan membincangkan tentang definisi pemboleh ubah operasional dalam konteks kajian. Definisi pemboleh ubah yang akan disentuh ialah Kesan Modul REBT Dan Teknik Kreatif terhadap Pemikiran Tidak Rasional, Tingkahlaku Agresif, Penghargaan Kendiri Murid Sekolah Rendah.





1.11.1 Modul Peningkatan Disiplin REBT

Konseptual:

Modul adalah pakej pembelajaran sendiri yang direka secara terancang dan sistematik. Ia menggabungkan pendekatan sistem dan humanistik (Shahrum & Yap, 1991). Modul bermaksud sub sub modul yang terkandung dalam satu keseluruhan modul yang lebih besar. Ia merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan ada kaitan antara satu bahagian kecil yang lain. (Sharifah Alawiah 1991). Ia merupakan satu unit pengajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan fasilitator, guru mahupun pelajar melaksanakan secara sendirian agar dapat kuasai ilmu pembelajaran dengan mudah dan cepat (Sidek & Jamaludin 2005).



Operasional:

Dalam kajian ini modul ini dibangunkan oleh pengkaji dalam proses kemenjadian dalam peningkatan disiplin ini adalah melalui Modul Peningkatan Disiplin REBT, ia dibina berintegrasi kepada Teori REBT (Elbert Ellis 1950), yang merangkumi 6 peringkat penyembuhan atau proses dalam merealisasikan pendekatan teori ini. Lima peringkat ini menjadi konstruks pembinaan item. Lima peringkat ini bermula di peringkat "A" (Activing), perasaan atau pemikiran pada waktu itu biasanya didasari iaitu peristiwa yang berlaku. Apa sahaja peristiwa yang berlaku dalam diri klien yang menentukan sistem pemikiran rasional mereka. Seterusnya akan mewujudkan sistem kepercayaan di peringkat "B" (Belive), sama ada pemikiran rasional atau tidak rasional. Pada peringkat "C", iaitu (Consequences) iaitu kesan atau akibat dari peristiwa yang berlaku. Di peringkat "D", (Disputing) iaitu perdebatan atau





mencabar. Lazimnya melibatkan proses pemulihan, iaitu melalui program ini. Seterusnya membawa ke “E” (Even), hasil kepercayaan baru yang terbentuk dan membawa ke “F” (New Feling), perasaan baru, (Albert Ellis 1959s).

Melalui kajian ini Modul Peningkatan Disiplin REBT (MPDR), berintegrasi teori Rational Emotive Behavior Therapy, dalam kajian ini berbentuk modul yang dibina khas dalam merawat Pemikiran Tidak Rasional, Tingkah laku Agresif dan Penghargaan Kendiri murid yang terlibat . Proses ini bermula pengenalanpastian semua ciri-ciri yang dikehendaki yang berkaitan dengan Pemikiran Tidak Rasional, Agresif dan Penghargaan Kendiri rendah ke arah perubahan diri murid kepada pemikiran yang rasional, penurunan tingkah laku agresif dan peningkatan penghargaan sendiri. Kesemua aspek yang dinyatakan merupakan diyakini menjadi kayu ukur kepada permasalahan disiplin di sekolah. Situasi ini akan membantu murid akan lebih berfungsi dengan baik di sekolah terutama dalam usaha membantu penurunan dan pembasmian masalah disiplin di sekolah terlibat.

Menurut ,Ann Vernon, Michael E. Bernard (2006) pendekatan seperti Teori Rational Emotif Behavioral Therapy, dilakukan sebagai intervensi secara rutin di sekolah-sekolah di seluruh dunia dengan usaha yang sistematik untuk meningkatkan kesihatan emosi kanak-kanak. Melalui kajian yang di buat ini , jika kita dapat mengajar anak-anak bagaimana berfikir secara rasional dengan modul yang dibuat , mereka akan menghampiri cabaran-cabaran perkembangan dan situasi dengan cara yang lebih sihat, yang seterusnya akan mengurangkan pertumbuhan diri daripada mengambil tingkah laku yang membinasakan golongan kanak-kanak dan remaja.





Bagi kajian ini Modul Peningkatan Disiplin REBT merujuk kepada satu modul yang dilaksanakan yang bertujuan untuk membantu murid yang terlibat dengan kajian ini berfikir lebih rasional, mengurangkan Tingkah laku Agresif dan meningkatkan Penghargaan Kendiri mereka. Modul ini dilaksanakan secara berpusat. Untuk itu MPDR ini mempunyai 18 orang ahli dalam satu kumpulan rawatan dan dilaksanakan secara terkawal dan berjadual melalui modul program yang telah dibina. Modul ini sepenuhnya berpandukan kepada intervensi Rational Emotif Behavioral Therapy (REBT) yang akan dikendalikan oleh seorang guru bimbingan dan kaunseling atau fasilitator yang dilantik. Program PPDR ini mengandungi 14 modul yang dibina bertujuan untuk menstrukturkan semula ketiga tiga aspek yang telah dikhususkan seperti pemikiran tidak rasional, tingkah laku agresif dan penghargaan sendiri rendah.



dengan perkembangan semasa dunia pendidikan yang begitu ditekankan iaitu soal kemenjadian murid sekolah rendah. Pendekatan teori REBT ini boleh berdiri sendiri kerana sudah jelas mempunyai peringkat-peringkat yang boleh di tentukan aspek kepulihan terutama melalui teknik-teknik yang ada dalam teori seperti peringkat A,B,C,D,E dan F yang akan digunakan dalam pelan pemulihan murid untuk kajian ini. Peringkat-peringkat ini akan dijadikan konstruk kepada pembinaan item untuk menilai keberkesanan program yang dilaksanakan.



1.11.2 Bimbingan

Konseptual :

Bimbingan merupakan satu proses merupakan proses yang melibatkan seorang individu yang terlatih dengan seorang yang memerlukan bantuan (Mohammad Aziz Shah et.l , 2019).Crow dan crow(1960) memberi pandangan sebagai satu pendidikan. Abdul Malek (2003) pula ia satu proses memahami diri. Sabariah Siron (2003) pula memberi pandangan bimbingan ini salah satu proses menolong yang penting dalam membuat pilihan. Bagi pendapat suradi (1997) satu bentuk perkhidmatan menolong dan bukannya arahan untuk membuat pilihan. Bimbingan merupakan proses melibatkan seorang individu terlatih dengan klien yang memerlukan bantuan, nasihat tunjuk ajar , Muhammad Aziz Shah etc. (2009) Namun demikian walau dengan konsep bimbingan khusus sekolah rendah.

Operasional:

Dalam kajian ini, bimbingan merupakan keperluan penting yang akan digunakan sebagai alat kepulihan murid. Terutama bagi kanak-kanak yang berusia antara tujuh tahun sehingga 12 tahun. Dalam kajian ini sampel yang dipilih adalah murid yang berusia 11 tahun kalau di teliti mereka berada di darjah lima sekolah rendah. Dalam konteks kajian ini, melibatkan sekolah rendah, bimbingan menjadi keperluan utama. Ini kerana murid yang dikategorikan sebagai kanak-kanak amat perlu bantuan dari individu terlatih khususnya guru dalam penentuan hala tuju masa depan mereka. Bimbingan sememangnya perlu kerana jika dilihat dari pengertian definisi nya mereka perlu dibimbing khusus melalui MPDR untuk hala tujukan mereka ke arah yang positif terutama membentuk pemikiran yang rasional, penurunan tingkah laku agresif dan

peningkatan penghargaan sendiri. Bimbingan dikatakan adalah yang paling sesuai dalam pembentukan kemenjadian diri murid.

1.11.3 Kreatif

Konseptual:

Kreatif, mengikut kamus dewan edisi (2000), sebagai satu kebolehan untuk mencipta, menghasilkan dan seterusnya mengembangkan sesuatu idea yang baru. Kreatif juga andaian dari segi perkataan, atau teks, kebolehan mengolah dan mengembangkan idea kepada idea-idea yang baru. Suatu pendekatan dalam konteks menolong yang membantu per tingkatkan dari segi mental, emosi, (Deb Del Signore et.al 2012). Menurut, Azizah (2018), satu bentuk pendekatan alternatif dalam usaha mengeluarkan apa yang terpendam dalam diri. Merupakan kesinambungan beberapa pendekatan yang melibatkan, Art Therapy, Play Therapy, Expressive Therapy, yang merupakan alat yang terapeutik, dalam proses terapi.

Operasional:

Dalam konteks kajian ini unsur baru dalam bimbingan khususnya sekolah rendah diketengahkan dalam usaha sebagai produk intervensi baru bagi tujuan kemenjadian murid, khusus sekolah rendah. Unsur kreatif diserap dalam kajian ini melibatkan unsur-unsur muzik yang amat berperanan besar dalam kajian ini. Unsur muzik ini digunakan secara menyeluruh dalam setiap modul yang dibina sebagai asas pemulihan terapeutik tersebut. Muzik yang dipilih juga terdiri dari yang amat berfungsi



untuk membina satu situasi yang aman damai, ketenangan di mana dalam situasi tersebut untuk dibuktikan ia berkesan dalam proses pemulihan.

1.11.4 Murid sekolah

Konseptual:

Murid sekolah didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun, (Akta Kanak-kanak 2001) mengikut WHO pula ia di kategorikan individu di bawah 18 tahun. Jika ia dilihat dalam konteks pendidikan di Malaysia andai melibatkan sekolah rendah bermula umur 5 tahun sehingga 6 tahun di PRA sekolah dan di aliran perdana bermula 7 tahun sehingga 12 tahun. Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak yang diistilahkan ialah merupakan murid dalam usia 10-12 tahun yang terdiri dari tahun empat , lima dan tahun enam. Rogers (1995), mendefinisikan bahawa zaman manusia sekitar tujuh tahun hingga 18 tahun. Murid yang mengalami perubahan dari segi fizikal , tingkah laku, emosi, dan sering berkonflik bagi memenuhi kesempurnaan sendiri. Mereka ini ,terutama dalam kajian ini dipilih khusus berdasarkan keperluan kajian dan yang perlu dibantu,(Salasiah 2009)

Operasional:

Dalam konteks kajian ini, murid yang dimaksudkan ialah merupakan sampel yang akan dipilih khas. Mereka ini terdiri dari murid tahun 5 yang berumur 11 tahun. Untuk kajian ini 38 orang akan dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang diperlukan bagi memenuhi kehendak kajian. Antara jumlah 38 orang tersebut, 18 orang akan lalui PPDR , manakala 18 orang lagi sekadar melalui program pemulihan sedia ada.



Pemilihan mereka ini akan melalui peringkat-peringkat etika dalam penyelidikan terutama melibatkan kebenaran. Terutama dari pihak Unit Perancangan Dasar (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya juga melibatkan kebenaran dari pihak Jabatan Pelajaran Negeri, dan ke daerah yang terlibat barulah ke sekolah kajian. Ibu bapa juga perlu dimaklumkan terutama dalam mendapat kebenaran untuk lakukan program terlibat.

1.12 Penghargaan Kendiri

Konseptul:

Penghargaan Kendiri merujuk kepada penilaian seseorang terhadap diri sendiri secara tekal. Mudahnya ia merupakan penilaian tentang diri sendiri iaitu tentang kebolehan, kejayaan serta nilai diri yang dizahirkan oleh sikap mereka sama ada melalui perkataan atau tingkah laku (Cooper Smith 1967). Hubungan konsep kendiri dengan kanak-kanak amat berkait rapat, (Judith E.Cooper 1983). Selain itu dari penghargaan kendiri juga, merupakan maklumat yang penting untuk ketahui berkaitan diri seseorang, (Barbara Kokenes, 2003).

Menurut Aziz Shah (2014) Penghargaan Kendiri merupakan tunjang kepada pembentukan dan perkembangan diri seseorang berkaitan hala tuju masa depan. Roesenberg (2011) Penghargaan Kendiri sebagai diri dan perasaan individu secara menyeluruh.

Habibah dan Noran Fauziah (2002), mentakrifkan Penghargaan Kendiri sebagai penilaian seseorang terhadap dirinya. Sama ada penilaian tersebut positif atau pun negatif. Azizi (2012) menyatakan manusia ada gambaran sendiri berkaitan dengan diri sendiri, gambaran tersebut tentang rupa paras, kesihatan, kebolehan, kelemahan, dan tingkah laku individu. Elemen ini akan di uji dalam konteks kajian ini untuk melihat peningkatannya yang menjadi kayu ukur kepada keberkesanan modul yang dibina.

Operasional:

Dalam kajian ini Penghargaan Kendiri ia merupakan salah satu aspek penting yang akan dinilai sebagai dapatan kajian. Ini kerana kanak-kanak dalam kajian ini merupakan fokus utama yang ingin dinilai samada ia mempengaruhi kepada perubahan tingkah laku mereka. Melalui aspek ini kekurangan, kelemahan, yang ada dalam diri murid memungkinkan terbentuk persepsi yang negatif dalam diri murid. Mereka tidak sempurna seperti orang lain. Mereka tidak hebat, tidak berkemampuan dari orang lain. Tanggapan ini menyebabkan mereka bertindak secara negatif dan meluahkan melalui tindakan kepada sesuatu yang negatif terutama perlakuan-perlakuan negatif.

1.12.1 Tingkah laku Agresif

Konseptual:

Tingkah laku Agresif ,menurut kamus dewan edisi keempat , didefinisikan cenderung menyerang, atau bertindak secara bermusuhan terhadap pihak yang lain, bersifat suka bermusuhan suka menyerang. Salasiah (2009), menyatakan bahawa agresif merupakan tingkah laku yang tidak memenuhi norma masyarakat. Menurut

seagel (2010) satu bentuk emosi yang marah diterjemahkan dengan perlakuan. Manakala menurut Zirpoli (2008) merupakan tindakan melalui perbuatan yang melibatkan kecederaan fizikal. Dalam kajian ini ia juga merupakan pemboleh ubah yang akan diukur keberkesanan modul yang dibina. Untuk melihat berlaku atau tidak penurunan tingkah laku tersebut.

Operasional:

Tingkah laku Agresif juga akan dilihat dalam kajian ini di mana adakah ia wujud dalam kalangan murid yang bermasalah disiplin dan akan dibantu dalam proses rawatan. Melalui pengesanan pada peringkat awal dalam memilih sampel lagi. Ciri- ciri ini akan ditentukan. Ini kerana dalam kajian ini, perlakuan- perlakuan yang agresif inilah yang akan dibantu untuk dipulihkan melalui MPDR. Tingkah laku agresif ini perlu di bantu dalam konteks kajian kerana ia dikatakan menjadi faktor utama kepada permasalahan disiplin di sekolah khususnya sekolah rendah. Melalui modul yang dibina diyakini akan membantu menurunkan masalah disiplin di sekolah kajian dan membantu atasi masalah disiplin di sekolah.

1.12.2 Pemikiran Tidak Rasional

Konseptual:

Pemikiran Tidak Rasional, merupakan pemikiran negatif yang mengganggu seseorang berfungsi dengan baik (Ellis dan Harper 1997), Menurut Ellis (1989), peristiwa menghasilkan perasaan, peristiwa negatif yang berlaku mewujudkan pemikiran tidak rasional. Zainol (2016) pemikiran tidak rasional ialah kecelaruan

emosi seseorang. Hasil dari pembelajaran dari persekitaran. Melalui pendekatan REBT terdapat sebelas (11) Pemikiran tidak rasional yang melihat setiap individu tersebut secara terperinci dan menyeluruh . Berdasarkan ini jika diteliti di lapangan sekolah rendah, ia amat mempengaruhi tingkah laku negatif yang melibatkan isu disiplin. Sebelas pemikiran tersebut pertamanya ialah, seseorang itu sepatutnya atau seharusnya dikasihi dan diterima oleh orang yang signifikan. Kedua seseorang itu sepatutnya cukup berkebolehan dan serba boleh dalam semua perkara. Ketiga Seseorang yang jahat dan kejam seharusnya dihukum yang setimpal dengan kesalahannya. Keempat , Segala kesulitan dan tanggungjawab sepatutnya dielak dari menghadapinya. Kelima , setiap perkara terjadi sepatutnya mengikut apa yang dirancang. Keenam , manusia tidak berupaya untuk mengawal diri kerana kesengsaraan yang berlaku disebabkan faktor-faktor luaran. Ketujuh , pada masa lalu menjadi penentu pada masa kini dan pengaruh masa lampau tidak boleh dihapuskan sama sekali. Kelapan, Seseorang itu sepatutnya sentiasa berwaspada sepanjang masa untuk mengelak segala kejadian yang tidak diingini. Kesembilan, Seseorang seharusnya berindung dibawah orang yang kuat. Kesepuluh , Seseorang itu sepatutnya menderita seperti mana orang lain mengalami penderitaan dan kesebelas, setiap masalah semestinya ada cara penyelesaiannya. (Ellis 1973).

Operasional:

Dalam konteks kajian ini, aspek pemikiran tak rasional ini yang perlu ditangani dengan berkesan. Sama dengan perlakuan agresif . Pemikiran tak rasional ini menjadi fokus dengan mengesan murid-murid yang terlibat dengan gejala disiplin di sekolah. Murid ini akan dikesan dan dibentuk kumpulan untuk pemulihan ke arah membentuk pemikiran baru yang rasional berlawanan dengan itu. Aspek-aspek pemikiran tidak

rasional inilah yang akan dibantu melalui PPDR ke arah pembentukan sahsiah baru dalam pemantapan disiplin murid.

Kesimpulan

Secara keseluruhan bagi pendefinisian berkaitan bab satu, ruang lingkup dibincangkan berkaitan dengan, pengenalan, tujuan, objektif, kerangka konseptual, hipotesis kajian, masalah kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan batasan kajian. Perbincangan aspek-aspek penting dalam bab satu ini adalah tidak lain dalam usaha menjadikan kajian ini bersifat semula jadi dalam memberi satu jawapan yang positif kepada penyelesaian sesuatu isu. Untuk dengan lebih lanjut dalam penelitian kajian ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya, iaitu bab tinjauan Literatur.